



# Ekspokonvo UMP gegar Pahang

UTUSAN MALAYSIA (HELO KAMPUS) 16 NOV 2016 M/S 1

Oleh MOHD. SAIFUL  
MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my

**N**EGERI Pahang digegarkan dengan kehadiran ribuan pengunjung sempena Ekspokonvo yang diadakan sepanjang 11 hingga 20 November ini.

Seramai 2,465 graduan UMP bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing melibatkan seramai 43 graduan Doktor Falsafah (PhD), 144 graduan Sarjana, 1,634 graduan Sarjana Muda dan 325 penerima diploma daripada sembilan fakulti dan dua pusat pengajian.

Majlis konvoesyen yang



melibatkan tiga sesi itu bermula 19 November ini turut melibatkan 319 graduan daripada program Sarjana Eksekutif dan Diploma Eksekutif daripada UMP Advanced Education.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, seramai 19 graduan program dwijazah hasil kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied



DAING NASIR IBRAHIM

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang merupakan Canselor UMP mencemar duli mengurniakan ijazah sarjana, kedoktoran dan ijazah kehormat serta anugerah kecemerlangan kepada seramai 18 graduan pada sesi pertama konvoesyen.

"Pada hari yang sama melibatkan graduan dari Fakulti

Science (HsKA) Jerman dalam program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik turut terlibat dalam konvoesyen berkenaan.

"Majlis itu menyaksikan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang merupakan Canselor UMP mencemar duli mengurniakan ijazah sarjana, kedoktoran dan ijazah kehormat serta anugerah kecemerlangan kepada seramai 18 graduan pada sesi pertama konvoesyen.

"Pada hari yang sama melibatkan graduan dari Fakulti

Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal," katanya.

Majlis ekspokonvo yang berkonsepkan gaya hidup sihat itu bakal dilancarkan pada 17 November ini.

Dalam menyemarakkan kemeriahan Expokonvo ini, UMP turut mengadakan perasmian Karnival Hidup Sihat dengan acara *The Biggest Loser UMP Campus Challenge* dan *The Amazing Iron Man*.

Program anjuran Sekretariat Generasi Siswa Sihat (Genesis) dengan kerjasama Pusat Kesihatan UMP, pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kesihatan itu menggalakkan mahasiswa UMP mengamalkan gaya hidup sihat serta mempunyai berat badan ideal agar mereka kelihatan lebih bertenaga.

SEBAHAGIAN daripada peserta mulakan Larian Fun Run 5KM sebaik sahaja dilepaskan di Pusat Aktiviti Pelajar UMP kampus Pekan, Pahang.



JUARA pertandingan memancing, Ahmad Daud Saat (tengah) bersama pemenang kedua, Nordin Ahmad (kiri) dan tempat ketiga, Shahfari Abdullah bersama mock up cek kemenangan.



Penganjuran *The Amazing Iron Man* pula bertujuan menguji kepentasan dan kekuatan peserta dalam menempuh cabaran apabila dikehendaki bergerak dalam kumpulan dari UMP Pekan ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan dan Teluk Cempedak sebelum berakhir di UMP Pekan dengan menaiki

bas rapid sambil mempromosikan program ekspokonvo. Antara acara yang dipertandingkan dengan kerjasama Kumpulan Utusan seperti Pertandingan Fotografi pada 11 November, Pertandingan Memancing (12 November), Pertandingan Catur, dan Fun Run 5km (13 November) di UMP Pekan.

Turut diadakan, UMP *ExpoRace*, *DIY Competition* (18 November), *Dikir Zikir* (18 November) dan Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, *Street Soccer* pada 19 dan 20 November.

Selain itu, *Ancasa Royale Junior Chef* (19 November), *Sembang Warung Halal* dan *Music for the Heroes* (20 November) bertempat UMP di Gambang dengan lebih 60 gerai jualan disediakan untuk kemudahan orang ramai.



JURUFOTO Utusan Malaysia, Mohd. Naim Aziz memberi penerangan dalam Bengkel Lensa Rencam anjuran Kumpulan Utusan di UMP, Pahang, baru-baru ini.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Pertandingan Memancing Terbuka UMP-Utusan Malaysia sempena Ekspokonvo di Tasik UMP, kampus Pekan, Pahang baru-baru ini.

Gambar AHMAD ZAKKI JILAN